

ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Akta Antigangguan Seksual (AAGS) 2022 [Akta 840]

Menyumbang ke arah mewujudkan ekosistem dan persekitaran yang selamat dan kondusif

1

Bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021

2

Diluluskan di Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022

4

Perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 8 Oktober 2022

3

Diluluskan di Dewan Negara pada 11 Ogos 2022

5

Pewartaan sebagai Akta pada 18 Oktober 2022

Definisi Gangguan Seksual

Apa-apa kelakuan tidak diinginkan yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk sama ada secara lisan atau visual, isyarat atau fizikal yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya

Rujukan: Seksyen 2 AAGS

Advokasi Antigangguan Seksual

Notis Antigangguan Seksual



Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual



Pelaksanaan Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual Seluruh Malaysia bermula Jun sehingga November 2023

TASKA DAN INSENTIF



PENERANGAN KATEGORI TASKA :

- **Taska Institusi** - Menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan. Ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
- **Taska Komuniti** - Menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan. Menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Ditubuhkan dalam komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.
- **Taska di Rumah** - Menerima 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam jagaan. Dijalankan di kediaman sendiri.
- **Taska di Tempat Kerja** termasuk Kerajaan dan Swasta - Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan. Ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk menjaga kebajikan pekerja.

1. Potongan Cukai kepada majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja yang menghantar anak ke TASKA dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA mulai tahun taksiran 2013.

(Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

2. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun kepada pengusaha TASKA mulai tahun taksiran 2013.

(Rujukan: Ketetapan Umum No. 4/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

3. Elaun bangunan industri pada kadar 10% diberi kepada sektor swasta yang mengusahakan TASKA mulai tahun taksiran 2010. Insentif ini hanya terpakai kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

(Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jun, 2023)

INISIATIF EKONOMI PENJAGAAN (Care-Economy)

- Menyediakan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik.
- Memudahkan cara proses pendaftaran TASKA dan pusat penjagaan kanak-kanak.
- Memperluas program pemutihan TASKA dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara.

Sumber: Teks Ucapan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat"



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PEMERKASAAN WANITA



PENGLIBATAN WANITA DALAM TENAGA BURUH

PENYERTAAN WANITA DALAM TENAGA BURUH

82.9% 56.2%




Penyertaan wanita dalam tenaga buruh lebih rendah berbanding lelaki iaitu 56.2%

4.5% 4.8%



Kadar pengangguran wanita lebih tinggi berbanding lelaki iaitu 4.8%

SEBAB WANITA TIDAK MENCARI KERJA :



Penyertaan wanita dalam tenaga buruh mula menurun pada kumpulan umur 35 - 44 tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2022, 20223

2021

RANGCANGAN MALAYSIA KE-12, 2021-2025

Tema 2 : Memperkukuhkan Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

- Memperkasa peranan wanita.
- Menggalakkan kesaksamaan gender, meningkatkan penyertaan dalam ekonomi dan menambah baik peranan wanita dalam proses membuat keputusan.
- Menyasarkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) wanita pada tahap 59% pada tahun 2025.

Sumber: Kementerian Ekonomi

2023

BELANJAWAN MADANI 2023

Tema 2 : Memperkukuhkan Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

- Pengumuman inisiatif - inisiatif seperti peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja, memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak dan penyediaan subsidi yuran taska serta pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu.

Sumber: Kementerian Kewangan

2022

PELAN STRATEGIK KPWK, 2021-2025

Teras 2 : Memperkasa Wanita

- Langkah Strategik 2 : Mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan wanita.
- Langkah Strategik 4 : Meningkatkan kepekaan gender ke arah pembentukan masyarakat yang saksama.

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

2023

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Tumpuan 2 : Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

- Menggalakkan kesaksamaan peluang bagi merapatkan jurang jantina dalam pasaran buruh.
- Usaha dari aspek perundangan dan kawal selia serta program sokongan bagi menggalakkan para ibu untuk kembali bekerja.
- Menyasarkan KPTB Wanita pada tahap 60% dalam tempoh kurang 10 tahun.

Sumber: Kementerian Kewangan

DASAR DAN INSENTIF SEDIA ADA

Akta Kerja 1955 (Akta 265)

Pindaan berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 merangkumi:

- Cuti dan elaun bersalin ditingkatkan kepada sembilan puluh lapan (98) hari berbanding enam puluh (60) hari sebelum ini.
- Larangan penamatan kerja semasa hamil selaras dengan *The Convention on the Elimination of All Form of Discrimination Against Women (CEDAW)*.
- Peruntukan baharu bagi membolehkan pekerja memohon Aturan Kerja Fleksibel kepada majikan secara bertulis kepada majikan.
- Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 melibatkan seksyen 81H telah mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja ke arah meningkatkan kesedaran tentang gangguan seksual.

Pelepasan cukai

- Pelepasan cukai individu sebanyak RM3,000 ke atas bayaran yuran taska dan tadika mulai tahun 2017 hingga tahun taksiran 2024.
- Potongan cukai pendapatan syarikat sebanyak dua kali sehingga jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap tahun, sehingga tiga (3) tahun berturut-turut bagi syarikat swasta yang melaksanakan Pengaturan Kerja Fleksibel.

Inisiatif Program

- **Career Comeback Tax Exemption** Pengecualian cukai pendapatan individu sehingga dua belas (12) bulan kepada wanita yang kembali bekerja.
- **Career Comeback Programme** Wanita yang telah meninggalkan pekerjaan lebih daripada enam (6) bulan akan dibantu dihubungkan bersama majikan yang bersesuaian.
- **Career Comeback Workshops** Bekerjasama dengan majikan bagi meningkatkan kemahiran dengan melatih wanita yang ingin bekerja semula dalam bidang kemahiran insaniah, kemahiran teknikal dan pengetahuan industri.

Dasar/ Pekeliling Penjawat Awam

- Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180 (maksimum) sebulan bagi seorang anak untuk pegawai Perkhidmatan Awam yang telah dinaikkan had kelayakkan pendapatan bulanan isi rumah daripada RM5,000 kepada RM7,000.
- Penetapan Dasar 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan telah diperkenalkan dalam sektor awam pada tahun 2004 dan diperluaskan kepada sektor swasta pada tahun 2011.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



TalentCorp GROUP OF COMPANIES



30% WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN



Penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas telah meningkat kepada 38.8% pada Disember 2022.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam



Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas adalah pada 30.5% berdasarkan laporan daripada Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Julai 2023 berbanding 29.0% pada tahun 2022.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti



KPWKM dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) juga turut bekerjasama menganjurkan:

- Program Kepimpinan Wanita Dalam Pembangunan Negara
- Forum Kepimpinan Wanita

Sumber: Jabatan Pembangunan Wanita